

Ketua Pemuda UMNO: Mahathir berkecuali

KUALA LUMPUR, Ahad — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menerangkan, beliau tidak memihak mana-mana calon dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, bulan depan.

"Adalah tidak adil kepada mereka yang akan bertanding sekiranya saya membuat sebarang komen," kata Datuk Seri Dr. Mahathir, setelah merasmikan Simposium Mengenai Sikap Baru Kepimpinan, anjuran MIC, di sini.

Ditanya apakah bentuk kepimpinan yang diinginkannya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Setiap pemimpin mempunyai caranya tersendiri. Setiap pemimpin mungkin membawa perubahan yang baik atau sebaliknya."

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa pertandingan antara kedua tokoh itu akan menimbulkan perpecahan dalam parti.

"Sekiranya tidak mahu pertandingan, tidak harus ada peruntukan untuk pemilihan dalam perlembagaan UMNO," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, UMNO telah berkembang luas dan pemilihan seperti itu telah pun diadakan beberapa kali tanpa menjejaskan perpaduan.

Katanya, di dalam satu-satu pertandingan, tentulah ada menang dan kalah. Mereka harus menerima keputusan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga membayangkan pendirian tidak memihak dalam pertandingan pucuk pimpinan Ketua Wanita UMNO.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia